



**Kegiatan Cadangan
bagi Pengajaran dan Pembelajaran
(Sekolah Menengah)**

*Bicara Budiman
Dr Muhammad Ariff Ahmad*

SEKAPUR SIRIH

Pembaca budiman

Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan tokoh yang tidak asing di negara kita Singapura. Jasa dan sumbangan beliau dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu serta kemasyarakatan tidak ternilai. Kesan dan manfaatnya diraih bukan sahaja masyarakat Singapura, malah oleh warga rantau.

Sepanjang pelibatan beliau dalam pelbagai pertubuhan masyarakat dan keagamaan, termasuklah sebagai salah seorang pengasas ASAS '50, setiausaha Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, setiausaha Majlis Pelajaran Melayu dan setiausaha Kongres Bahasa Melayu Singapura, beliau mencorak perkembangan bahasa, sastera dan budaya dalam usaha membangun masyarakat Melayu yang beliau harapkan.

Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini merupakan usaha Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan Singapura untuk mengumpul dan merakam perjuangan dan pengalaman Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam memperjuangkan bahasa, sastera dan budaya Melayu – dalam kata-kata beliau sendiri.

Buku **Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad** ini mengandungi sedutan dan nukilan secara *verbatim* daripada klip video wawancara beliau mengenai perkembangan bahasa, sastera dan budaya Melayu Melayu di Singapura dan rantau ini. Apa yang dipersembahkan dalam pakej ini hanyalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan penceritaan dan rakaman wawancara dengan Dr Muhammad Ariff Ahmad. Cerita, buah fikiran, nasihat dan harapan beliau mencerminkan diri dan watak Dr Muhammad Ariff Ahmad sebagai seorang yang arif, bijaksana lagi budiman. Kependetaan beliau sememangnya amat terserlah.

Diharapkan koleksi klip video ini menjadi dokumentasi sejarah perjuangan dan sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad, dan menjadi perangsang bagi generasi muda dalam melestarikan bahasa, sastera dan budaya yang kita cintai bersama.

Diharapkan juga, cadangan-cadangan yang diusulkan bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah pagi peringkat sekolah menengah dan maktab rendah menggunakan Pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini membantu guru untuk menjana lebih banyak lagi aktiviti kreatif yang dapat dimanfaatkan oleh para pelajar di sekolah.

Wassalam.

Mohamed Noh Daipi
Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura
dan Penolong Pengarah Bahasa Ibunda
Bahagian Perancangan dan Pembangunan

Cadangan Penggunaan Pakej bagi Pengajaran dan Pembelajaran Peringkat Sekolah Menengah

Pengenalan

Dr Muhammad Ariff Ahmad merupakan seorang penjuang bahasa, sastera dan budaya Melayu yang unggul di negara Singapura. Sumbangan beliau amat besar sekali kepada masyarakat Melayu dan juga negara. Oleh itu, Pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad ini dihasilkan bukan sahaja untuk menghargai sumbangan besar Dr Muhammad Ariff Ahmad kepada bahasa, sastera dan budaya Melayu serta negara Singapura, tetapi juga untuk memperkenalkan Dr Muhammad Ariff Ahmad kepada para pelajar dengan lebih dekat lagi sebagai mewakili generasi perintis negara kita. Pakej yang dibina boleh digunakan oleh guru dan pelajar bagi pelbagai tujuan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa, sastera dan budaya Melayu.

Beberapa saranan aktiviti menggunakan pakej ini disediakan bagi kegunaan guru. Diharapkan, guru dapat menjana pelbagai aktiviti lain yang dapat menyemarakkan lagi rasa sayang dan cinta pelajar kepada bahasa, sastera dan budaya Melayu di Singapura.

Dalam merancang pelbagai aktiviti pembelajaran bahasa, beberapa perkara harus dipertimbangkan. Antaranya ialah:

- apakah objektif pengajaran dan pembelajaran?
- apakah kemahiran bahasa yang ingin dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran?
- apakah aspek tatabahasa yang ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran?
- apakah aktiviti yang dirancang mengambil kira pelbagai keperluan pembelajaran pelajar?
- apakah aktiviti yang dirancang sesuai dan menepati objektif pembelajaran?
- bagaimanakah menilai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran?

- adakah kesediaan pelajar telah diambil kira semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran?

Setelah mengambil kira beberapa perkara yang penting ini, guru bolehlah melakar aktiviti-aktiviti yang sesuai bagi mencapai objektif pelajaran. Antara cadangan aktiviti yang boleh dilakukan adalah seperti yang berikut:

Aktiviti Membaca/Menonton dan Memahami

Guru boleh menggunakan pelbagai strategi bagi melaksanakan aktiviti membaca/menonton pakej ini secara berkesan. Antara strategi yang boleh digunakan termasuklah:

- Strategi *KWL*
- Strategi Pengajaran Kefahaman Membaca
- Strategi Berfikir Secara Lantang
- Strategi *Reciprocal*
- Strategi Penyoalan
- Strategi Menjadi Kreatif
- Strategi *Probable Passage*
- Strategi Bertanya kepada Pengarang
- Strategi Log Cerita atau Papan Cerita
- Strategi GRP - Prosedur Membaca dengan Bimbingan
- Strategi *Guided Reading Procedure* (GRP)
- Strategi Pengimejan yang Berpandu

Secara umumnya, guru boleh menjalankan aktiviti:

- pramembaca/pramenonton
- membaca/menonton
- pascamembaca/pascamenonton

Aktiviti Pramembaca/pramenonton

Di peringkat pramembaca, guru boleh bertanyakan beberapa soalan asas sebelum menjalankan aktiviti membaca. Sebagai contoh, guru boleh bertanyakan soalan-soalan untuk mengetahui perkara-perkara yang telah diketahui oleh pelajar mengenai Dr Muhammad Ariff Ahmad. Guru boleh menyediakan soalan-soalan bagi membantu pelajar menyampaikan informasi yang mereka tahu tentang Dr Muhammad Ariff Ahmad. Hal ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti menggunakan nota catatan, peta minda, penyusunan grafik dan sebagainya mengenai apa yang pelajar tahu tentang Dr Muhammad Ariff Ahmad. Antara soalan-soalan umum yang boleh ditanyakan ialah apa, bila, di mana, mengapa, bagaimana, siapa.

Aktiviti Membaca/Menonton

Seterusnya, guru boleh menjalankan aktiviti membaca/menonton Pakej Dr Muhammad Ariff Ahmad. Semasa menjalankan aktiviti membaca/menonton, guru boleh menyediakan pelbagai cara bagi memastikan pelajar terlibat aktif. Antaranya, guru boleh meminta murid menyenaraikan soalan-soalan mengenai perkara yang ingin mereka tahu tentang Dr Muhammad Ariff Ahmad. Semasa membaca, pelajar diminta untuk menyemak sama ada soalan-soalan yang mereka tanyakan terjawab atau sebaliknya. Aktiviti begini dirujuk juga sebagai menyemak andaian pelajar mengenai bahan yang dibaca. Guru boleh menggabungkan aktiviti bacaan dengan pelbagai teknik atau strategi membaca lain seperti teknik Probable Passage, Papan Cerita, Gambaran Minda dan sebagainya.

Bagi memastikan pembacaan pelajar lebih terarah, guru boleh menyediakan beberapa soalan yang berkaitan langsung dengan bahan yang dibaca atau ditonton. Melalui jawapan yang diberikan oleh pelajar, guru boleh memantau sejauh mana pelajar faham apa yang dibaca atau ditonton.

Antara soalan-soalan yang boleh ditanyakan berdasarkan klip video atau buku kecil yang disediakan, adalah seperti yang berikut:

Segmen 1

1. Nyatakan nama ibu kandung Dr Muhammad Ariff Ahmad dan juga nama ibu tiri beliau.
2. Siapakah nama orang yang disebut oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad sebagai 'Kakek'?
3. Mengapakah 'Kakek' sangat penting kepada Dr Muhammad Ariff Ahmad?
4. Bilakah Dr Muhammad Ariff Ahmad dilahirkan?
5. Ceritakan peristiwa bagaimana Dr Muhammad Ariff Ahmad mula 'masuk' sekolah.
6. Siapakah nama guru yang mula-mula menganjurkan peraduan menulis semasa Dr Muhammad Ariff Ahmad di zaman persekolahannya?
7. Nyatakan beberapa nama pena yang digunakan oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad serta latar belakang tentang nama-nama tersebut.
8. Mengapakah Dr Muhammad Ariff Ahmad lebih senang melibatkan diri dalam bidang bahasa berbanding dengan bidang politik?

Segmen 2

1. Ceritakan perbezaan peranan guru dahulu dengan guru-guru pada masa kini menurut Dr Muhammad Ariff Ahmad.
2. Mengapakah kita harus banyakkkan mendengar, membaca dan menulis? Jelaskan seperti yang dimaksudkan oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad.
3. Mengapakah TTC ditubuhkan?
4. Apakah tujuan pendidikan menurut Dr Muhammad Ariff Ahmad?
5. Jelaskan perbezaan antara 'guru' dengan 'cikgu'?

Segmen 3

1. Ceritakan semula tentang bagaimana mulanya ASAS '50 ditubuhkan?
2. Bagaimana timbulnya polemik seni untuk seni dan seni untuk masyarakat?
3. Mengapakah Dr Muhammad Ariff Ahmad tidak mahu berhijrah ke Malaysia semasa perpisahan Singapura dengan Malaysia?
4. Berikan pandangan kamu mengenai tiga ciri penting orang Melayu menurut pandangan Dr Muhammad Ariff Ahmad.

Segmen 4

1. Jelaskan tiga jenis keyakinan seperti yang dinyatakan oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad.
2. Bagaimana permutu 'Bahasa Jiwa Bangsa' dihasilkan?
3. Mengapakah permutu 'Bahasa Jiwa Bangsa' akhirnya digunakan oleh Dewan Bahasa dan Budaya?
4. Jelaskan pandangan Dr Muhammad Ariff Ahmad mengenai kepincangan masyarakatnya.
5. Mengapakah budi bahasa, budi bicara dan budi pekerti penting bagi orang-orang Melayu?

Segmen 5

1. Mengapakah pihak Inggeris menubuhkan sekolah rendah Melayu suatu ketika dahulu?
2. Apakah perbezaan sekolah sekarang dengan sekolah dahulu?
3. Bagaimanakah mula tertubuh sekolah menengah Melayu?
4. Apakah cabarannya semasa penubuhan sekolah menengah Melayu yang dihadapi?
5. Nyatakan perubahan penting pendidikan sekarang dengan dahulu.
6. Jelaskan sumbangan awal Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang bahasa.

Segmen 6

1. Dari mana dan bagaimanakah Dr Muhammad Ariff Ahmad mendapat gelaran doktor?
2. Mengapakah Allahyarhan Masuri SN menerima anugerah Doktor Kehormat?
3. Ceritakan dengan ringkas mengenai buku Mail Mau Kawin.
4. Jelaskan pandangan Dr Muhammad Ariff Ahmad tentang penulisan dalam kalangan guru.
5. Nyatakan harapan beliau tentang masyarakat Melayu Singapura.

Segmen 7

1. Jelaskan maksud '*manjaddah wajad*' seperti mana yang dijelaskan oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad.
2. Apakah sumbangan terbesar Dr Muhammad Ariff Ahmad menurut pandangan Encik Mohamed Latiff Mohamed?
3. Apakah sumbangan Dr Muhammad Ariff Muhammad kepada negara?
4. Menurut Encik Suratman Markasan, Dr Muhammad Ariff gemar menulis setuntas yang mungkin. Jelaskan.
5. Tanpa kehadiran Dr Muhammad Ariff, suasana sastera, bahasa dan budaya Singapura akan gersang. Setujukah kamu dengan pernyataan ini.
6. Apakah pesanan Dr Muhammad Ariff Ahmad kepada para pencinta bahasa, sastera dan budaya Melayu?
7. Senaraikan novel-novel yang pernah ditulis Dr Muhammad Ariff Ahmad.

Aktiviti Pascamembaca/pascamenonton

Setelah pelajar menjalankan aktiviti membaca atau menonton klip video Bicara Budiman Dr Muhammad Ariff Ahmad, guru boleh menjalankan aktiviti pascamembaca/pascamenonton bagi mengukuhkan pemahaman pelajar serta menjana minat membaca pelajar yang seterusnya. Aktiviti yang dirancang boleh disesuaikan mengikut keperluan pembelajaran pelajar itu sendiri. Aktiviti pascamembaca/pascamenonton ini boleh berbentuk lisan, penulisan, pementasan, kerja projek, lakonan, dan banyak lagi yang berkaitan dengan tokoh bahasa, budaya dan sastera Melayu Singapura, Dr Muhammad Ariff Ahmad. Guru juga boleh menggalakkan pelajar untuk melakukan pembacaan lanjut atau kajian mengenai Dr Muhammad Ariff Ahmad dan sumbangan serta perjuangan beliau terhadap bahasa, budaya dan sastera Melayu Singapura.

Aktiviti Lisan / Interaksi Lisan

Guru boleh menggunakan Pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad bagi tujuan mengasah kemahiran lisan pelajar. Sebelum, semasa atau setelah para pelajar membaca/menonton pakej ini, guru boleh menjalankan pelbagai aktiviti yang

dapat mengasah dan mengukuhkan lagi kemahiran lisan termasuklah kemahiran interaksi pelajar.

Antara aktiviti yang boleh disesuaikan termasuklah aktiviti sesi dialog, perbincangan, syarahan atau pidato, forum, ceramah, seminar atau kongres berkaitan dengan:

- sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang bahasa, budaya dan sastera Melayu
- sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang pendidikan bahasa Melayu di Singapura
- sumbangan beliau sebagai aktivitis masyarakat
- buku-buku sastera yang dikarang oleh beliau
- cara menghargai sumbangan besar beliau kepada Singapura khususnya dalam bidang bahasa, sastera dan budaya Melayu
- bagaimana membina dan melahirkan seorang tokoh lain yang sehebat Dr Muhammad Ariff Ahmad
- bagaimana memaksimumkan sumbangan Dr Muhammad Ariff agar dapat mendorong generasi muda berjuang untuk membangun masyarakat, bahasa, budaya dan sastera Melayu di Singapura
- bagaimana menghargai sumbangan warga perintis seperti Dr Muhammad Ariff Ahmad

Aktiviti Menulis

Guru juga boleh merancang aktiviti menulis sesuai dengan keperluan para pelajar di peringkat sekolah menengah. Susulan daripada aktiviti lisan atau membaca/ menonton Pakej Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad, guru boleh merancang dan melaksanakan aktiviti penulisan sesuai dengan keperluan pelajar. Topik atau aktiviti penulisan boleh dipelbagaikan termasuklah menulis:

- surat kepada Dr Muhammad Ariff Ahmad untuk menyatakan rasa gembira dan terima kasih atas sumbangan beliau yang besar dalam bidang pendidikan, bahasa, budaya dan sastera Melayu
- rencana mengenai kehidupan Dr Muhammad Ariff Ahmad sebagai seorang penjuang bahasa, budaya dan sastera Melayu

- karangan kreatif termasuklah komik mengenai kehidupan Dr Muhammad Ariff Ahmad masa zaman kanak-kanak
- kepada Dr Muhammad Ariff dengan menyatakan pandangan mengenai hasil tulisan beliau termasuklah novel, cerpen dan sajak yang pernah ditulis oleh Dr Muhammad Ariff Ahmad
- karangan naratif mengenai perjuangan Dr Muhammad Ariff Ahmad dalam bidang pendidikan
- ulasan cerpen atau novel karya Dr Muhammad Ariff Ahmad
- rencana mengenai sumbangan para perintis Singapura termasuklah Dr Muhammad Ariff Ahmad
- cerita kreatif berdasarkan buku-buku sastera karangan Dr Muhammad Ariff Ahmad dengan kesudahan cerita yang berlainan
- dan lain-lain lagi.

Aktiviti Kreatif dan Gabung Jalin

Selain aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran membaca, bertutur dan menulis, guru juga boleh menjalankan aktiviti yang kreatif yang merangkumi atau menggabungkan semua kemahiran bahasa. Antara aktiviti yang boleh dianjurkan ialah:

- pementasan drama mengenai hasil karya Dr Muhammad Ariff Ahmad semasa Dwiminggu Bahasa yang dijalankan di sekolah. Aktiviti sebegini melibatkan gabungan pelbagai kemahiran membaca termasuklah kemahiran:
 - membaca – pelajar membaca mengenai latar belakang karya yang akan dipentaskan,
 - menulis – pelajar menulis skrip yang akan dipentaskan
 - bertutur – pelajar menyampaikan skrip yang ditulis dalam bentuk lakonan dan ujaran
 - interaksi lisan – pelajar berbincang dan berinteraksi bagi menghasilkan karya pementasan yang baik
- pementasan radio juga boleh dirancang dengan menggabungkan pelbagai kemahiran bahasa semasa pelaksanaannya

- pameran mengenai perjuangan dan sumbangan Dr Muhammad Ariff Ahmad berdasarkan kajian dan usaha para pelajar. Pihak sekolah juga boleh bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat Melayu untuk menghasilkan satu pameran bergerak dan para pelajar bertugas sebagai fasilitator dan penyampai bagi projek tersebut.

Kesimpulan

Diharapkan buku kecil ini telah memberikan para guru sedikit idea yang boleh digunakan untuk menjalankan aktiviti yang bermakna bagi para pelajar. Semoga juga para guru dan pelajar lebih menghargai sumbangan generasi perintis dalam membangun negara Singapura yang kita cintai.



Ministry of Education
SINGAPORE